



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|--|
| <p>1. PEGAWAI PELAJARAN
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)</p> |
|--|

BIDANG: *CHEMICAL ENGINEERING* - 1 JAWATAN
***PHYSICS* - 1 JAWATAN**
***INSTRUMENTATION AND CONTROL ENGINEERING* - 2 JAWATAN**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Chemical Engineering* / *Instrumentation and Control Engineering* / *Physics* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan seperti kursus-kursus Diploma Pendidikan / *Post-Graduate Diploma in Education* / *Master of Teaching* dan yang berhubung kait dengan Pendidikan dalam tempoh 3 tahun mulai dari tarikh dilantik ke jawatan ini.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

BIDANG *CHEMICAL ENGINEERING* / *PHYSICS* / *INSTRUMENTATION AND CONTROL ENGINEERING*

1. Mengajar dan melatih pelajar sehingga ke peringkat *Higher National Technical Education Certificate (HNTEC)* dalam bidang *Refinery Operator* / modul *Physic 2* / *Physic Laboratory Techniques 1 (Electricity)* / *Physic Laboratory Techniques 2* / *Project (Physic)* dan *Industrial Process Automation Technology*.



SECARA AM

1. Membantu dalam penyelidikan dan perkembangan kurikulum;
2. Berperanan sebagai mentor kepada pengajar yang lain;
3. Bertanggungjawab sebagai *Program Leader*;
4. Membantu dalam pentadbiran atau pengurusan program dan pembelajaran;
5. Mengawas pengajar dalam kegiatan tambahan dan latihan industri;
6. Menghadiri latihan penempatan industri;
7. Mereka bentuk dan membuat alat bantu mengajar yang bersesuaian;
8. Menganggotai mana-mana jawatankuasa yang ditentukan oleh pihak pentadbiran kampus;
9. Mengendalikan kursus-kursus / latihan lain di samping kursus / latihan yang formal;
10. Menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab lain yang ditentukan oleh pihak atasan termasuk pentadbiran kampus dari semasa ke semasa.